

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kes kesalahan pengubahan wang haram yang diambil tindakan oleh Bank Negara Malaysia setiap tahun sejak tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2011 hingga 2015, sebanyak 33 kertas siasatan telah dibuka melibatkan pendakwaan ke atas 48 entiti yang mana 23 entiti telah disabitkan kesalahan. Kes pengubahan wang haram yang didakwa melibatkan kesalahan yang terdapat di bawah bidang kuasa Bank Negara

Malaysia (BNM). Antaranya ialah menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah, kesalahan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen yang sah dan kesalahan menjalankan perdagangan pertukaran mata wang asing tanpa lesen yang sah.

Untuk makluman, selain BNM, kesalahan pengubahan wang haram juga dikuatkuasakan oleh 12 agensi penguatkuasaan yang lain termasuk Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang merangkumi 362 jenis kesalahan predikat yang terkandung dalam 44 akta yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang terbabit.

Sehingga 2015, terdapat sebanyak 1167 kes telah disiasat di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) melibatkan pendakwaan ke atas 240 kes dengan jumlah aset yang terlibat bernilai RM8.2 bilion.